

UCAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI PULAU PINANG DI MAJLIS
MAKAN MALAM PERSATUAN PENJAJA PENJAJA BT. MERTAJAM YANG
AKAN DIADAKAN DI DEWAN SEKOLAH TINGGI JIT SIN JALAN
ASTON BUKIT MERTAJAM PADA HARI AHAD 5HB OGOS 1976
JAM 7.00 MALAM.

Pengerusi dan Ahli-Ahli Persatuan Penjaja-Penjaja Seberang
Perai Tengah,

Wakil-wakil Persatuan dari Malaysia Barat

Dzif-dzif yang dihurmati,

Tuan-tuan dan Puan-Puan sekalian.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi
dan Ahli-Ahli Jawatankuasa kerana sudi menjemput saya ke majlis
yang meriah ini sempena meraikan Ulang Tahun Persatuan tuan-tuan
yang ke 11 dan pembukaan resmi bangunan Persatuan tuan-tuan .

Saya berasa gembira mengetahui bahawa Persatuan tuan-tuan
telah memainkan peranan yang sangat aktif dalam tahun-tahun
yang lalu. Ini telah banyak menyumbangkan kepada pembangunan
Bt. Mertajam dan Seberang Perai pada keseluruhan~~nya~~.. Oleh yang
demikian, Persatuan tuan-tuan ini telah menjadi satu Persatuan
yang penting dalam pembangunan Bukit Mertajam dan Negeri kita.

2. Saya mengucapkan tahniah kepada Persatuan tuan-tuan khasnya peranannya dalam menganjurkan dan menyatukan penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil supaya sebagai satu kumpulan yang bersatu, tuan-tuan akan dapat memajukan kepentingan dan kebajikan ahli-ahli tuan tuan. Peranan tuan tuan amat penting sekiranya kita menimbangkan bahawa sebilangan besar penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil terpaksa bertungkus lumus untuk mencari nafkah di kawasan-kawasan bandar. Selaras dengan dasar untuk membasmikan kemiskinan, kerajaan akan berusaha dengan sedaya upaya untuk menyokong kegiatan-kegiatan tuan-tuan. Akan tetapi, adalah perlu bagi tuan-tuan menjalankan kegiatan-kegiatan tuan dengan cara yang teratur dan bekerjasama rapat dengan Kerajaan agar manfaat yang tidak terhingga dapat dicapai oleh rakyat kita dalam usaha kita untuk mengatasi masaalah kemiskinan.

3. Mengikut Banci tahun 1970, adalah dianggarkan bahawa 50% daripada jumlah 1.6 juta rumah tangga di semenanjung Malaysi-

dalam golongan yang miskin atau kurang berada. Sebahagian besar daripada mereka-mereka yang kurang berada ini terdiri daripada petani-petani dan nelayan-nelayan yang mendiami kawasan-kawasan luar bandar tetapi terdapat sebilangan yang besar juga yang tinggal di kawasan-kawasan bandar dan kampong-kampong baru. Daripada mereka-mereka ini, penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil adalah satu sektor yang penting dan Kerajaan senantiasa berazam untuk meningkatkan kebijakan mereka secukup dengan objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru melalui Rancangan Malaysia yang Ketiga. Sebagaimana tuan tuan sedia maklum, Kerajaan berazam untuk membasmikan kemiskinan tanpa mengira kaum. Ini adalah satu daripada objektif-objektif utama Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia yang Ketiga yang memerlukan penglibatan rakyat sepenuhnya dalam menyokong pihak Kerajaan sekiranya kita ingin mencapai objektif-objektif itu.

4. Salah satu daripada perkara-perkara penting yang ingin

saya membawa kepada perhatian tuan-tuan ialah tuan-tuan perlulah menyedari bahawa objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru juga menegaskan usaha-usaha kita untuk memperbaiki ketidakseimbangan ekonomi dikalangan kita. Oleh itu, saya merayu kepada tuan-tuan supaya berusaha membentuk Persatuan tuan agar ianya benar-benar mencerminkan ciri-ciri Malaysia. Persatuan tuan patut mempunyai ahli-ahli yang terdiri daripada penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil dari semua kaum dengan secepat mungkin dalam usaha kita untuk menyatupadukan masyarakat kita dan untuk mengatasi masaalah kemiskinan tanpa mengira kaum.

5. Negara kita sedang mengalami tempoh pembangunan dan pembentukan negara yang penting. Saya ingin mengambil peluang ini untuk menyeru kepada ahli-ahli Persatuan tuan-tuan supaya sama-sama memikul cabaran Rancangan Malaysia Ketiga yang telah dilancarkan baru-baru ini oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Datuk Hussein Onn. Rancangan Malaysia Ketiga ini berteraskan kepada tiga matlamat penting dalam pembangunan negara kita iaitu

(a) Membasmikan Kemiskinan

(b) Menyusun Semula Masyarakat

(c) Mengukuhkan keselamatan Negara

6. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, usaha meneroka tanah dengan lebih giat lagi dan menggalakkan perkembangan perusahaan akan terus dijalankan untuk mengatasi masaalah kemiskinan.

Adalah dijangka bahawa sebanyak kira-kira 743,000 pekerjaan baru akan diujudkan untuk memperbaiki kedudukan pekerjaan kita. Rancangan-rancangan perumahan yang seluas-luasnya bagi golongan rakyat yang berpendapatan rendah dan lain-lain kemudahan sosial seperti pengangkutan, kesihatan dan pendidikan akan juga diuntukkan.

7. Malaysia adalah sebuah Negara makmur dimana rakyatnya yang terdiri dari berbilang kaum dapat dikenali dengan fungsi-fungsi ekonomi atau pekerjaan tertentu. Juga terdapat jurang perbedaan yang luas bukan sahaja diantara kaum-kaum dan kumpulan pendapatan bahkan juga wilayah-wilayah. Jurang perbedaan ini patut dikurangkan sekiranya kita ingin mengujudkan sebuah negara yang

betul-betul bersatupadu. Oleh yang demikian, maka kita perlulah menyusun semula masyarakat kita.

8. Kemiskinan tidak mengira kaum. Maka, dalam mengatasi masaalah kemiskinan ini amatlah penting bahawa masaalah ini tidak dipandang dari segi perkauman. Dalam negara ini, kita terdapat orang Cina yang miskin dan juga orang Melayu dan India yang miskin. Jadi, setiap usaha hendaklah ditujukan kepada soal memperbaiki peluang-peluang sosial ekonomi yang terbuka kepada rakyat Malaysia tanpa mengira kaum atau keturunan supaya kita akan dapat mengujudkan sebuah negara Malaysia yang lebih baik untuk semua rakyat. Berkaitan dengan ini, saya menyeru kepada Persatuan tuan-tuan supaya menyedari betapa pentingnya soal mencapai penyertaan Bumiputra yang sewajarnya khasnya dalam sektor perdagangan dan perusahaan.

9. Saya berasa gembira untuk mengetahui bahawa walaupun

dalam sebilangan besar/Persatuan tuan terdiri daripada ahli-ahli Cina, namun Persatuan tuan juga adalah terbuka kepada kaum-kaum yang lain . Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan bahawa usaha-usaha khas ditujukan kepada menggalakkan penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil daripada kaum lain khasnya orang Melayu dan India supaya memasuki Persatuan tuan agar penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil dapat disatukan sebagai satu keluarga besar yang dapat saling bantu membantu dan bekerjasama rapat demi kebaikan bersama. Pada setiap masa dan jikalau dapat tuan-tuan harus membantu dan bekerjasama dengan kaum bumiputra dalam usaha-usaha perniagaan mereka.

10. Salah satu daripada Rancangan Malaysia Ketiga bertujuan untuk mengukuhkan keazaman dan minat rakyat untuk menjunjung tinggi dan mempertahankan keselamatan Negara. Dalam beberapa bulan yang lalu, tuan-tuan tentu sedar akan lapuran-lapuran kegiatan komunis dan sabversif yang kian berlaku di kawasan-kawasan bandar. Tuan-tuan juga tentu biasa membaca di akhbar-

akbar tentang kejadian-kejadian kejahatan, keganasan, perompakan bersenjata, penagih-penagih dadah dan pengedar-pengedar dadah dan lain-lain yang kesemuanya mengancam keselamatan Negara kita. Sebagai warganegara yang taat setia, tuan-tuan harus memberi sokongan penuh kepada Kerajaan dengan betul-betul melibatkan diri dengan sepenuhnya dalam tugas menghapuskan anasir-anasir sabversif dan anti-nasional di kalangan kita. Adalah menjadi kewajipan setiap rakyat Malaysia untuk bersatu padu dan bekerjasama rapat dengan pasukan-pasukan keselamatan dalam mempertahankan penghidupan dan cita-cita semua rakyat Malaysia. Untuk mengekalkan kebahagian dan kemakmuran negara Malaysia semua rakyat Malaysia mesti melibatkan dengan sepenuhnya dalam tugas menjamin keselamatan Negara kita.

11. Oleh yang demikian, saya mendesak tuan-tuan supaya mengambil bahagian dalam Sekim-sekim Rukun Tetanga yang telah ditubuhkan dalam kawasan tuan-tuan dan berusaha bersama dengan

Jawatankuasa Kemajuan Kampung di kawasan-kawasan tuan-tuan.

Rancangan-rancangan ini telah dilancarkan oleh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak dalam usaha untuk membina sebuah masyarakat berdikari supaya kita dapat membina sebuah negara Malaysia yang bersatu, bahagia dan makmur.

12. Dalam usaha kita untuk mencapai kemajuan sosial ekonomi yang lebih pesat melalui proses membasmi kemiskinan dan mengurangkan jurang perbezaan ekonomi di Negara kita, kita juga hendaklah berikhtiar memupuk perpaduan Negara dengan mengujudkan satu pengenalan.Malaysia yang tulin secucuk dengan prinsip-prinsip Rukunegara.

13. Barisan Nasional menumpukan usaha sepenuhnya terhadap tugas membina sebuah masyarakat Malaysia yang benar-benar bersatupadu, progresif, adil dan saksama. Kita mestilah menyusun semula masyarakat kita dan meneruskan proses perubahan sehingga semua rakyat Malaysia benar-benar dapat menganggap diri mereka sebagai saudara-saudara yang mempunyai

- 10 -

nasib yang sama. Untuk mencapai matlamat ini, kita harus menyokong dengan sepenuhnya Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Ketiga.

14. Akhir kata, saya ingin mengucapkan Selamat Maju Jaya kepada Pengurus dan Ahli-Ahli Persatuan Penjaja Seberang Perai Tengah dalam tahun-tahun yang akan datang. Saya berharap agar tuan-tuan akan turut bergembira di majlis yang bahagia ini.

Terima kasih.